

# Ramai umat Islam diseksa empat tahun akan datang

UM - 8 NOV 2004

**K**UALA LUMPUR 7 Nov. — Tun Dr. Mahathir Mohamad menjangka lebih ramai umat Islam akan diseksa dalam tempoh empat tahun akan datang berikutan kemenangan Presiden George W. Bush untuk terus menerajui Amerika Syarikat (AS).

Menurut Dr. Mahathir, beliau dukacita kerana Bush adalah orang yang menyebabkan pembunuhan beramai-ramai umat Islam dan membawa malapetaka.

“Walaupun marah dengan keputusan itu, namun umat Islam perlu berjaga-jaga dan tidak melakukan sesuatu yang akan membinasakan mereka,” katanya ketika berucap pada majlis berbuka puasa Yayasan Kepimpinan Perdana dan Yayasan Al-Bukhary di Masjid Negara, di sini, malam ini.

Hadir sama ialah pengasas dan pengerusi Yayasan Al-Bukhary, Tan Sri Syed Mokhtar

Al-Bukhary dan isteri, Puan Sri Sharifah Zahrah Al-Bukhary.

Pada majlis berkenaan, bekas Perdana Menteri turut menyampaikan sumbangan kepada anak yatim sekitar Wilayah Persekutuan dan Selangor.

Majlis berbuka puasa itu diadakan sempena kerja-kerja membaikpulih Masjid Negara yang menelan belanja RM25 juta dan dijalankan dalam dua fasa, yang ditanggung sepenuhnya oleh Yayasan Al-Bukhary.

## Sumbangan

Fasa pertama yang menelan kos RM20 juta, siap pada November 2003 yang dijalankan dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Ia melibatkan kerja-kerja melengkapkan masjid tersebut dengan ciri-ciri kalis air, pemasangan lampu berciri moden, penda-

waan menyeluruh dan pembinaan tempat letak bas dan kereta pelawat.

Fasa kedua pula melibatkan kos sebanyak RM5 juta membabitkan kerja-kerja berkaitan pembinaan taman bercirikan ketamadunan Islam dan ia sedang dibangunkan oleh Yayasan Al-Bukhary.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, rakyat di negara ini patut bersyukur kerana Malaysia aman dan dapat menjalankan ibadah puasa dengan sempurna.

“Keadaan ini berbeza dengan negara lain yang mana penduduknya mungkin ditembak mati sebelum sempat berbuka puasa seperti yang dialami oleh rakyat Iraq,” katanya.

Bagaimanapun, beliau gembira kerana negara ini mempunyai ramai dermawan yang bermurah hati menganjurkan majlis berbuka puasa dan tidak lupa kepada orang miskin.